

# Kasih buat anak OKU

WAN SALWANI WAN HUSSIN (kiri) bersama dua anak, Nik Amiera Shazliena (tengah) dan Nik Amiera Shazlini yang berstatus OKU.

*kisah masyarakat*

Oleh NURSYAMIMI SAIDI
*nursyamimi.saidi@ utusan.com.my*



**WAN SALWANI WAN HUSSIN**, 49, tidak pernah kesal atau menyalahkan takdir apabila dikurniakan dua orang anak kurang upaya (OKU), kerana apa yang penting adalah menjalankan tanggungjawab membesar dan memberi kasih sayang tanpa berbelah-bahagi.

Baginya, anak-anak adalah amanah Allah.

Biarpun kudrat yang ada tidak sekuat mana, demi kasih sayangnya pada Nik Amiera Shazliena Nik Amiran, 22, dan Nik Amiera Shazlini Nik Amiran, 16, ibu tunggal yang berasal dari Kota Bharu itu tetap tabah dan tidak pernah mengeluh menyediakan keperluan anak-anak istimewanya setiap hari.

Sungguhpun begitu, jauh di sudut hati berbekas rasa bimbang mengenang nasib kedua-dua anak tersebut jika ketiadaannya nanti.

"Sejak bergelar ibu tunggal beberapa tahun lalu, saya menguruskan makan, minum dan keperluan mereka dengan dibantu dua abang mereka yang telah bekerja.

"Biarpun susah menguruskan mereka berseorangan, tidak pernah terlintas pada fikiran saya untuk membezakan kasih sayang, malah menganggap anak-anak syurga ini satu anugerah serta ujian untuk saya.

"Cumanya, sampai sekarang saya masih memikirkan masa depan mereka apabila saya tiada nanti. Dua anak gadis saya ini semakin meningkat usia mereka dan pula tidak mahu terlalu berharap kepada abang-abang mereka yang sudah berkahwin dan mempunyai keluarga sendiri.

"Saya hanya mampu menitipkan doa agar diberi kesihatan yang baik untuk terus menjaga mereka," katanya ketika ditemui *Mega Rona* di kediamannya di Seksyen 13, Bandar Puncak Alam, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Menurutnya, Nik Amiera Shazliena yang mesra disapa sebagai Niena menghadapi masalah sawan menyebabkan perkembangan mental anak ketiganya itu terjejas.

Anak bongsunya, Nik Amiera Shazlini yang dipanggil Nieni pula mempunyai masalah lambat pembelajaran meletakkan kedua-duanya berstatus OKU.

Ujarnya, keadaan Niena agak kritikal kerana boleh diserang sawan pada bila-bila masa dan perlu berjaga-jaga untuk memastikan dia kembali normal selepas diserang sawan.

Niena sudah bergantung kepada ubat sawan sejak usianya enam bulan dan perlu berulang alik ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian setiap enam bulan untuk pemeriksaan berkala.

"Bayangkan sudah 22 tahun saya hidup dengan penuh kerisauan. Setiap hari saya risau akan keadaannya kerana jika lambat diberi ubat, berisiko membawa maut.

"Saya sedar keadaannya tidak akan pulih, namun saya tetap berdoa supaya Allah panjangkan umur dia dan saya sendiri mampu menjaganya dengan baik.



WAN SALWANI WAN HUSSIN (lima dari kanan) dan anak-anaknya, Nik Amiera Shazliena dan Nik Amiera Shazlini (tiga dan empat dari kanan) kerap menerima kunjungan daripada jiran-jiran yang prihatin.

"Saya juga terpaksa tinggalkan Niena dengan adiknya, Nieni, ketika keluar bekerja kerana saya tidak mampu untuk mengupah orang menjaganya. Banyak lagi keperluan lain yang terpaksa saya dahulukan," katanya yang bersyukur kerana sering mendapat kunjungan jiran tetangga yang prihatin.

Baru-baru ini, kecelakaan menimpa keluarga kecil itu apabila Niena terjatuh ketika diserang sawan, mengakibatkan patah tulang paha.

Gadis istimewa itu terpaksa ditahan di wad selama dua minggu bagi menjalani prosedur memasukkan besi pada tulang yang patah.

Kata Wan Salwani, itulah kebimbangan yang sentiasa membelenggu dirinya, kerana sedikit kecuaian dan tidak peka dengan pergerakan Niena boleh membawah padah.

Namun, dia tidak mempunyai banyak pilihan kerana tidak mungkin dapat berada di sisi anak-anaknya sepanjang masa.

Dia sendiri perlu mencari rezeki untuk menampung hidup mereka anak-beranak.

Bekerja sebagai pembantu klinik dengan pendapatan kira-kira RM1,000 sebulan. Dahulu dia ada juga berniaga nasi dan kuih-muih bagi menambah pendapatan.

Namun, kini doktor tidak membenarkan dia melakukan kerja tambahan kerana faktor tekanan membuatkan penyakit darah tingginya menjadi semakin teruk.




Dia tidak menafikan kos sara hidup di ibu kota semakin meningkat dan turut merasai bebanan tersebut selain berharap ada pihak yang sudi memberi bantuan kepada mereka.

Mengenai sambutan hari raya, katanya, dia tidak pulang beraya ke Kelantan tahun ini kerana keadaan Niena yang masih lagi dalam prosedur rawatan.

Namun, Niena sudah menyatakan keinginannya untuk beraya dengan baju raya warna kegemaran iaitu jingga dan mahu bermain bunga api bersama adiknya.

"Kalau balik kampung, Niena orang yang paling gembira sebab ramai sepupu yang mahu melayannya tetapi tahun ini terpaksalah beraya di Puncak Alam sahaja," katanya sambil memandang sayu Niena yang sedang bermain dengan adiknya.

Gambar NASIRUDIN YAZID